

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RMK 252 Pengantar Pengurusan Projek

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA Soalan: DUA daripada Bahagian A dan TIGA daripada Bahagian B. Soalan 1 adalah WAJIB.

1. Andaikan anda menjadi pengurus sebuah firma binaan. Baru-baru ini firma anda telah mendapat satu kontrak membina sebuah rumah 2 tingkat. Kontrak tersebut bernilai \$200,000 (Ringgit: Dua Ratus Ribu Sahaja) dan mengambil masa selama 10 bulan. Kadar keuntungan di jangka sebanyak 20%. Pihak pemaju bersetuju untuk menyelesaikan semua bayaran kemajuan apabila sijil kemajuan pembinaan dikeluarkan oleh arkitek. Sijil tersebut dijangka akan dikeluarkan pada akhir tiap-tiap bulan. Anda dikehendaki menyediakan satu "analisis aliran tunai" yang dijangka akan berlaku semasa pembinaan.

Andaikan:

- (a) Wang pegangan 5%.
- (b) Masa membaiki kecacatan - 6 bulan.

(25 Markah)

2. Sediakan satu carta garisan seimbang untuk satu skim perumahan berdasarkan butir-butir berikut:-

Aktiviti	Jam Kerja/Unit	Bilangan Pekerja Setiap Aktiviti
1. Asas	Jam 150	4 pekerja
2. Struktur	Jam 350	10 pekerja
3. Dinding	Jam 150	4 pekerja
4. Paip	Jam 50	4 pekerja
5. Elektrik	Jam 60	2 pekerja
6. Kemas	Jam 150	6 pekerja

- bilangan unit rumah = 100 unit
- kadar output = 4 unit seminggu
- masa perantaraan = 4 hari
- masa kerja 8 jam sehari dan 6 hari seminggu

(15 Markah)


3. Berasaskan maklumat yang terdapat pada Gambarajah A rangkaian logik dan jadual maklumat aktiviti, kirakan nilai-nilai berikut:-

- (a) Tarikh Mula Awal (TMA)
- (b) Tarikh Mula Lewat (TML)
- (c) Tarikh Tamat Awal (TTA)
- (d) Tarikh Tamat Lewat (TTL)
- (e) Jumlah Apungan (JA)
- (f) Apungan Bebas (AB)

(15 Markah)

...3/-

Rajah A - Gambarajah Rangkaian Logik



JADUAL MAKLUMAT AKTIVITI

<u>Aktiviti</u>	<u>Jangkamasa (Hari)</u>
A	3
B	4
C	2
D	4
E	5
F	1
G	3
H	2
I	1
J	5
K	1
L	3
M	2

BAHAGIAN B (Jawab TIGA soalan)

4. (a) Pengurusan adalah nadi kepada Organisasi. Ia menjangkau serta mencangkupi pelbagai aspek dalam organisasi dan alam persekitarannya.  
Bincangkan.
- (b) (i) Kenalpasti dan terangkan bersertakan contoh 3 tahap pengurusan dalam sesebuah organisasi.
- (ii) Bincangkan perbezaan-perbezaan antara ketiga-tiga tahap tersebut dengan merujuk kepada perkara-perkara berikut:-
1. pengaruh dan interaksi dengan alam persekitaran.
  2. membuat keputusan.
  3. kawalan.

(20 Markah)

5. Bagi organisasi yang menggunakan sistem terbuka, pengaruh alam persekitaran adalah penting terhadap perjalanan organisasi tersebut. Dalam alam sekitar yang stabil dan boleh diramalkan pengurusan adalah lebih mudah, rutin dan kurang mencabar. Tetapi dalam alam persekitaran yang bergolak dan sukar diramalkan, pengurusan perlu peka, fleksibel dan bersedia membawa perubahan mengikut kehendak alam persekitaran supaya kewujudan organisasi tersebut menjadi lebih cekap dan berkesan.

Bincangkan.

(20 Markah)

6. (a) Terangkan pengertian konsep kepimpinan dan kaitannya dengan sistem pengaruh.
- (b) Kenalpasti Tiga (3) gaya kepimpinan yang telah anda pelajari dan bincangkan perbezaan antara ketiga-tiganya.

...5/-

- (c) Bincangkan gaya kepimpinan yang sesuai untuk seorang pengurus projek.

(20 Markah)

7. (a) Terangkan dengan ringkas Evolusi Teori Organisasi dan Pengurusan sejak era teori tradisional hinggalah ke era moden.

- (b) Apakah yang dapat kita pelajari daripada evolusi teori tersebut.

(20 Markah)

8. (a) Terangkan pengertian Struktur Organisasi.

Mengapakah ia penting?

- (b) Setiap organisasi sentiasa berkembang ke arah lebih kompleks serta darjah pembezaan semakin meningkat. Dengan peningkatan darjah pembezaan tersebut, usaha untuk integrasi perlu diberi perhatian dengan sewajarnya.

Bincangkan.

(20 Markah)

-ooo00ooo-